



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 46
No. 5

28hb Februari 2002

*TAMBAHAN No. 21
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 76.

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

SUSUNAN KAEDAH-KAEDAH

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Kaedah

1. Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI TANAH

3. Permohonan bagi tanah
4. Rekod permohonan
5. Penolakan ringkas oleh Pentadbir
6. Kelulusan permohonan

BAHAGIAN III
PAJAKAN TANAH RIZAB

Kaedah

7. Pajakan tanah rizab

BAHAGIAN IV
PREMIUM

8. Premium
9. Premium bagi pajakan tanah yang diberi hakmilik semula
10. Premium bagi penyerahan balik dan pemberihakmilikan semula tanah di bawah seksyen 204D Kanun
11. Remitan atau perubahan premium
12. Premium tambahan oleh kerana perubahan kategori, dsb.
13. Tempoh bagi pembayaran premium tambahan

BAHAGIAN V
CUKAI

14. Cukai tahunan
15. Cukai tahunan dikenakan oleh kerana perubahan kategori, dsb.
16. Cukai tahunan yang dikenakan oleh kerana penyerahan balik dan pemberihakmilikan semula tanah di bawah seksyen 204D Kanun
17. Perubahan kadar cukai tahunan
18. Remitan atau tangguhan cukai tahunan
19. Remitan khas
20. Denda bagi bayaran lewat cukai tahunan

BAHAGIAN VI
LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

21. Permohonan bagi lesen pendudukan sementara
22. Penolakan ringkas bagi lesen pendudukan sementara
23. Fi bagi lesen pendudukan sementara

BAHAGIAN VII

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA DAN PERMIT BERCANTUM

Kaedah

24. Permohonan bagi lesen pendudukan sementara dan permit bercantum
25. Fi bagi lesen pendudukan sementara dan permit bercantum

BAHAGIAN VIII

PERMIT UNTUK MENGELUAR, MENGALIH DAN MENGANGKUT
BAHAN BATUAN

26. Permohonan bagi permit untuk mengeluarkan, mengalihkan dan mengangkut bahan batuan
27. Permohonan bagi permit untuk mengalihkan bahan batuan
28. Fi bagi permit untuk mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan

BAHAGIAN IX

PERMIT UNTUK MENGGUNA RUANG UDARA

29. Permohonan bagi permit untuk mengguna ruang udara
30. Permohonan bagi penyerahhakan permit untuk mengguna ruang udara
31. Fi bagi permit untuk mengguna ruang udara

BAHAGIAN X

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

32. Kesalahan yang boleh dikompaun
33. Tawaran untuk mengkompaun dan penerimaan tawaran untuk mengkompaun
34. Amaun kompaun yang kena dibayar
35. Pembayaran kompaun

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

36. Daftar
37. Waktu urusan

Kaedah

- 38. Kad kuasa
- 39. Borang dan Jadual
- 40. Fi
- 41. Pengecualian

BORANG

JADUAL

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 14 Kanun Tanah Negara 1965 [*Akta 56/65*], sebagaimana yang telah diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Ubahsuaian Kanun Tanah Negara) 2001 [*P.U. (A) 213/2001*], Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi tanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya membuat kaedah-kaedah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Nama, pemakaian dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya 2002**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah hanya terpakai bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(3) Kaedah-Kaedah ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh penyiaran Kaedah-Kaedah ini dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“agensi Persekutuan” ertinya mana-mana badan yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan dan termasuklah pihak berkuasa tempatan di Wilayah Persekutuan Putrajaya;

“daerah” ertinya keseluruhan kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang terdiri daripada suatu kawasan yang ditunjukkan di dalam pelan yang dikenal pasti dengan merujuk kepada Pelan No. P.P. 2-2000 yang disimpan di pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor;

“Kanun” ertinya Kanun Tanah Negara;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan;

“Pengarah Negeri” ertinya Pengarah Tanah dan Galian bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun; dan

“Pentadbir” ertinya Pentadbir Tanah dan termasuklah Penolong Pentadbir Tanah yang dilantik di bawah seksyen 12 Kanun.

BAHAGIAN II

PERMOHONAN BAGI TANAH

Permohonan bagi tanah

3. (1) Tiap-tiap permohonan bagi tanah Persekutuan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Kaedah-Kaedah ini dan dikemukakan kepada Pentadbir.

(2) Setiap permohonan—

- (a) hendaklah dikemukakan dalam dua salinan;
- (b) hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual 4;
- (c) hendaklah ditandatangani oleh pemohon atau ejennya yang telah dilantik dengan sempurna;
- (d) hendaklah disertakan dengan dua salinan pelan yang telah ditandatangani dan ditandakan dengan sewajarnya oleh pemohon; dan
- (e) dalam hal suatu syarikat berdaftar atau badan yang diperbadankan, hendaklah ditandatangani oleh orang yang diberi kuasa di sisi undang-undang untuk menandatangani bagi pihak syarikat atau perbadanan itu.

(3) Sekiranya permohonan itu tidak mematuhi Kaedah-Kaedah ini, Pentadbir hendaklah menolak permohonan itu dan memulangkan permohonan itu kepada pemohon.

Rekod permohonan

4. Kecuali bagi permohonan yang ditolak oleh Pentadbir di bawah subkaedah 3(3), Pentadbir hendaklah memastikan butir-butir penuh permohonan itu dimasukkan ke dalam “Rekod Permohonan Tanah” dalam Jadual 1.

Penolakan ringkas oleh Pentadbir

5. Pentadbir hendaklah menolak ringkas mana-mana permohonan bagi tanah dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) tanah itu telah diberi hakmilik;
- (b) tanah itu telah diluluskan bagi pemberihakmilikan tetapi hakmilik belum lagi didaftarkan;
- (c) tanah itu telah dirizabkan bagi maksud awam;
- (d) tanah itu telah ditanda untuk dirizabkan oleh Pentadbir;
- (e) tanah itu telah diluluskan bagi perizaban tetapi belum diwartakan lagi;
- (f) pemohon tidak memenuhi kehendak seksyen 43 Kanun;

- (g) tanah itu telah diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486];
- (h) jika maklumat mengenai butir-butir diri pemohon atau tanah yang dipohon itu atau kedua-duanya tidak lengkap atau mengandungi maklumat palsu;
- (i) jika pemohon telah disahkan meninggal dunia atau, dalam hal syarikat, jika syarikat itu telah dibubarkan atau digulung, selepas permohonan didaftarkan; atau
- (j) sebagaimana yang diarahkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Kelulusan permohonan

6. (1) Semua pemberihakmilian tanah Persekutuan hendaklah dalam bentuk pajakan yang tidak melebihi 99 tahun melainkan jika Kerajaan memutuskan selainnya dalam apa-apa kes atau kumpulan kes tertentu.

(2) Setelah pemberihakmilian tanah Persekutuan diluluskan, Pentadbir hendaklah menghendaki pemohon membayar premium dan semua fi yang perlu dengan mengeluarkan notis dalam Borang 5A Kanun.

(3) Pembayaran apa-apa jumlah yang dituntut di bawah subkaedah (2) hendaklah direkodkan oleh Pentadbir dalam kedua-dua fail yang berkenaan dengan permohonan tanah itu dan Rekod Permohonan bagi Tanah.

(4) Tempoh bayaran yang dinyatakan dalam Borang 5A Kanun bagi maksud Kaedah-Kaedah ini hendaklah tiga bulan dari tarikh pengeluaran notis:

Dengan syarat bahawa Pentadbir boleh dalam mana-mana hal tertentu yang disifatkannya patut, memberi apa-apa pelanjutan masa bagi apa-apa bayaran yang jumlahnya tidak melebihi enam bulan dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pengarah Negeri boleh, dalam mana-mana hal tertentu sebagaimana yang disifatkannya patut, memberikan apa-apa pelanjutan masa bagi apa-apa bayaran yang jumlahnya tidak melebihi dua tahun.

(5) Walau apa pun peruntukan subkaedah (4), Kerajaan boleh, menurut budi bicaranya, memberikan apa-apa pelanjutan masa tambahan dengan syarat bahawa permohonan bagi pelanjutan itu dibuat sebelum pelanjutan masa yang sedia ada itu tamat.

(6) Pembayaran deposit di bawah subseksyen 82(2) Kanun, jika ada, hendaklah direkodkan oleh Pentadbir dalam Rekod Permohonan bagi Tanah.

(7) Pembayaran di bawah subseksyen 81(2) Kanun hendaklah direkodkan dalam fail yang berkenaan dengan permohonan tanah dan Rekod Permohonan bagi Tanah.

BAHAGIAN III

PAJAKAN TANAH RIZAB

Pajakan tanah rizab

7. (1) Tiap-tiap permohonan bagi pajakan tanah rizab di bawah seksyen 63 Kanun hendaklah dibuat dalam Borang 9 Kaedah-Kaedah ini dan dikemukakan kepada Pentadbir.

(2) Permohonan itu hendaklah disertakan dengan dua salinan pelan dan fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 4.

(3) Apabila permohonan itu diluluskan dan setelah pembayaran fi tahunan dan deposit, jika ada, dibuat, Pentadbir hendaklah mengeluarkan surat pajakan dalam Borang 4E Kanun.

(4) Fi dalam kaedah 23 hendaklah terpakai bagi maksud menentukan fi tahunan bagi tanah rizab.

BAHAGIAN IV

PREMIUM

Premium

8. (1) Tertakluk kepada kaedah 6, kadar premium yang dikenakan ke atas semua tanah yang diberi hakmilik selepas Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa hendaklah dikira seperti yang berikut:

- (a) jika pemberihakmilikan adalah secara hakmilik selama-lamanya, kadar premium yang dikenakan hendaklah ditentukan oleh Kerajaan berdasarkan kepada nilai pasaran tanah yang diluluskan:

Dengan syarat bahawa, jika tanah itu diberi hakmilik bagi maksud awam kepada Kerajaan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan atau Majlis Agama Islam, premium yang dikenakan ialah RM100.00 setiap lot;

- (b) jika pemberihakmilikan adalah secara pajakan, kadar premium yang dikenakan hendaklah dikira seperti yang berikut:

Kategori:

- (i) Bangunan—

(A) Kediaman

$$\frac{1}{4} \times \text{Nilai tanah} \times \frac{1}{100} \times \text{Bagi tempoh tidak melebihi 99 tahun} = \text{Premium yang dikenakan}$$

(B) Perdagangan

$$\frac{1}{2} \times \text{Nilai Tanah} \times \frac{1}{100} \times \text{Bagi tempoh tidak melebihi 99 tahun} = \text{Premium yang dikenakan}$$

(ii) Industri—

$$\frac{1}{2} \times \text{Nilai Tanah} \times \frac{1}{100} \times \text{Bagi tempoh tidak melebihi 99 tahun} = \text{Premium yang dikenakan;}$$

(c) jika pemberihakmilikan adalah bagi maksud tempat beribadat atau tapak perkuburan bagi orang bukan Islam, kadar premium yang dikenakan adalah RM3000.00 bagi setiap hektar atau sebahagian daripadanya.

(2) Bagi maksud lain, kadar premium yang dikenakan akan ditentukan oleh Kerajaan.

(3) Bagi maksud kaedah ini, nilai tanah ertinya nilai pasaran tanah selepas kelulusan pemberihakmilikan diberi sebagaimana yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia.

Premium bagi pajakan tanah yang diberi hakmilik semula

9. (1) Jika pajakan mana-mana tanah diberi hakmilik yang tamat tempohnya diberi hakmilik semula kepada tuan punya berdaftar terdahulu, kadar premium yang dikenakan adalah satu perempat daripada premium yang dinyatakan dalam subkaedah 8(b) dan tidaklah termasuk nilai apa-apa bangunan atau penanaman yang terdapat di atas tanah itu, dengan syarat bahawa permohonan itu dikemukakan dalam masa satu tahun sebelum tamat tempoh pajakan itu dan dengan syarat selanjutnya bahawa pemohon merupakan pemunya tanah yang menduduki tanah itu dengan syarat-syarat yang serupa sebagaimana dahulu.

(2) Jika pajakan mana-mana tanah diberi hakmilik belum tamat tempoh, apabila tanah itu diserahkan balik di bawah seksyen 197 Kanun dan diberi hakmilik semula kepada tuan punya berdaftar terdahulu dalam satu atau lebih lot, kadar premium yang dikenakan hendaklah dikira seperti yang berikut:

$$\frac{1}{4} \times \text{Nilai tanah} \times \frac{1}{100} \times \text{Tempoh pajakan baru} = \text{Premium yang dikenakan}$$

(3) Bagi maksud kaedah ini, nilai tanah ertinya nilai pasaran tanah selepas kelulusan pemberihakmilikan diberi sebagaimana yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia.

Premium bagi penyerahan balik dan pemberihakmilikan semula tanah di bawah seksyen 204D Kanun

10. (1) Jika pemberihakmilikan semula adalah secara hakmilik selama-lamanya, kadar premium yang dikenakan ialah RM100.00 setiap lot, dengan syarat bahawa tidak terdapat perubahan dalam kategori guna tanah atau syarat nyata.

(2) Walau apa pun subkaedah (1), kadar premium tambahan yang ditetapkan dalam kaedah 12 terpakai, jika terdapat perubahan dalam kategori guna tanah atau syarat nyata.

(3) Jika pemberihakmilikan semula adalah secara pajakan, kadar premium tambahan dalam kaedah 12 terpakai bagi tempoh pajakan yang sedia ada apabila terdapat perubahan pada kategori guna tanah atau syarat nyata:

Dengan syarat bahawa jika terdapat pelanjutan tempoh pajakan, kadar premium tambahan yang dikenakan adalah gabungan jumlah yang dikira seperti yang berikut:

- (a) bagi maksud mengira kadar premium bagi baki tempoh pajakan, jika terdapat perubahan dalam kategori guna tanah atau syarat nyata, kadar yang ditetapkan dalam kaedah 12 terpakai; dan
- (b) bagi maksud mengira kadar premium bagi tambahan tempoh pajakan, kaedah 8 terpakai.

Remitan atau perubahan premium

11. Kerajaan boleh meremitkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah kadar premium yang dinyatakan dalam kaedah 8 dan 9 dalam mana-mana kes tertentu sebagaimana yang disifatkannya patut.

Premium tambahan oleh kerana perubahan kategori, dsb.

12. (1) Jika Kerajaan meluluskan apa-apa perubahan kategori atau syarat nyata di bawah seksyen 124 atau seksyen 124A Kanun, kadar premium tambahan yang dikenakan di bawah perenggan 124(5)(a) Kanun adalah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Kategori guna tanah</i>	<i>Perubahan syarat nyata</i>	<i>Peratus nilai tanah</i>
1.	Bangunan—		
	(a) kediaman	daripada bangunan bagi kediaman kepada bangunan bagi perdagangan	10%
	(b) perdagangan	(i) daripada bangunan bagi perdagangan kepada bangunan bagi industri	1%

<i>Butiran</i>	<i>Kategori guna tanah</i>	<i>Perubahan syarat nyata</i>	<i>Peratus nilai tanah</i>
		(ii) daripada satu maksud perdagangan kepada maksud perdagangan yang lain	1%
		(iii) daripada bangunan bagi perdagangan kepada bangunan bagi kediaman	1%
2. Industri		(i) daripada industri kepada bangunan bagi perdagangan	1%
		(ii) daripada industri kepada bangunan bagi kediaman	1%
		(iii) daripada satu maksud industri kepada maksud industri yang lain	1%

(2) Jika Kerajaan meluluskan apa-apa perubahan syarat nyata kepada lebih daripada satu maksud, premium tambahan hendaklah dikenakan seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Perubahan kategori atau syarat nyata</i>	<i>Peratus nilai tanah</i>
1.	Daripada bangunan bagi kediaman kepada bangunan bagi kediaman dan perdagangan	10%
2.	Daripada bangunan bagi perdagangan kepada bangunan bagi kediaman dan perdagangan	1%

(3) Bagi maksud kaedah ini, “nilai tanah” ertinya nilai pasaran tanah pada masa selepas kelulusan perubahan kategori atau syarat nyata di bawah seksyen 124 Kanun diberi sebagaimana yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia.

(4) Kerajaan boleh, menurut budi bicaranya, meremitkan keseluruhan atau sebahagian atau mengubah kadar premium tambahan yang dinyatakan dalam kaedah ini dalam mana-mana kes tertentu sebagaimana yang disifatkannya patut.

Tempoh bagi pembayaran premium tambahan

13. (1) Jika kelulusan telah diberikan oleh Kerajaan di bawah seksyen 124 atau 124A Kanun, Pentadbir hendaklah mengeluarkan Borang 7G Kanun, menghendaki pemohon membayar premium tambahan dan apa-apa fi lain yang perlu.

(2) Tempoh bayaran yang dinyatakan dalam Borang 7G Kanun, bagi maksud kaedah ini, hendaklah dalam masa enam bulan dari tarikh penyampaian notis:

Dengan syarat bahawa Pentadbir boleh, dalam mana-mana hal tertentu yang disifatkannya patut, memberi apa-apa bilangan pelanjutan masa bagi bayaran itu yang jumlahnya tidak melebihi enam bulan dan dengan syarat selanjutnya bahawa Pengarah Negeri boleh, dalam mana-mana hal tertentu yang disifatkannya patut, memberikan apa-apa pelanjutan masa bagi bayaran itu yang jumlahnya tidak melebihi dua tahun.

(3) Walau apa pun peruntukan subkaedah (2), Kerajaan boleh, menurut budi bicaranya, memberikan apa-apa pelanjutan masa tambahan, dengan syarat bahawa permohonan bagi pelanjutan masa itu dibuat sebelum pelanjutan masa yang sedia ada itu tamat.

BAHAGIAN V

CUKAI

Cukai tahunan

14. (1) Kadar cukai tahunan bagi semua tanah yang diberi hakmilik hendaklah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Perihal guna tanah</i>	<i>Kadar cukai tahunan tanah bandar</i>
1.	Kediaman	RM0.30 setiap meter persegi
2.	Perdagangan	RM3.00 setiap meter persegi
3.	Bangunan bagi tempat beribadat	RM0.22 setiap meter persegi
4.	Perindustrian	RM2.50 setiap meter persegi
5.	Bagi maksud awam oleh badan berkanun dan pihak berkuasa tempatan	RM0.05 setiap meter persegi
6.	Bagi maksud awam oleh Kerajaan (tanah atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan)	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
7.	Sukan dan rekreasi	
	(a) Padang latihan (golf)	RM200.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
	(b) Lapang sasaran	RM200.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya

<i>Butiran</i>	<i>Perihal guna tanah</i>	<i>Kadar cukai tahunan tanah bandar</i>
(c)	Padang	RM200.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
(d)	Gelanggang skuasy	RM0.10 setiap meter persegi
(e)	Gelanggang badminton/ sepak takraw	RM0.10 setiap meter persegi
(f)	Gelanggang tenis	RM0.10 setiap meter persegi
(g)	Kolam renang	RM0.10 setiap meter persegi
(h)	Gelanggang kasut roda	RM0.10 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
(i)	Ekuestrian	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
(j)	Stadium/velodrom	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
(k)	Kompleks sukan	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
8.	Pusat Pendidikan dan Latihan	
(a)	Pra-persekolahan	
	(i) Bantuan Kerajaan	RM0.10 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM100.00
	(ii) Swasta	RM0.20 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM300.00
(b)	Persekolahan Swasta	RM0.30 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM500.00
(c)	Vokasional	
	(i) Bantuan Kerajaan	RM0.10 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM300.00
	(ii) Swasta	RM2.40 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM500.00

<i>Butiran</i>	<i>Perihal guna tanah</i>	<i>Kadar cukai tahunan tanah bandar</i>
(d)	Institusi Pendidikan Tinggi	
	(i) Bantuan Kerajaan	RM0.10 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM500.00
	(ii) Swasta	RM0.50 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM1,000.00
(e)	Asrama Pelajar	
	(i) Bantuan Kerajaan	RM0.10 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM100.00
	(ii) Swasta	RM0.50 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM1,000.00
9.	Kemudahan Am	
	(a) pencawang Tenaga Nasional/Telekom	RM0.50 setiap meter persegi
	(b) Kawasan penyimpanan gas petroleum cair	RM0.50 setiap meter persegi
	(c) Tempat letak kereta swasta	RM10.00 setiap meter persegi
	(d) Tempat letak kereta awam	RM1.00 setiap meter persegi
	(e) Kolam oksidasi/tangki inhoff	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
	(f) Landasan helikopter	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
	(g) Rumah pam/tangki	RM10.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya
10.	Bangunan bagi Kelab, Pertubuhan dan Badan Kebajikan	
	(a) Kelab/Pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 [<i>Akta 335</i>]	RM0.20 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM300.00
	(b) Badan kebajikan/rumah orang tua/rumah anak yatim	RM0.20 setiap meter persegi atau tidak melebihi RM300.00

<i>Butiran</i>	<i>Perihal guna tanah</i>	<i>Kadar cukai tahunan tanah bandar</i>
	(c) Hospital swasta	RM1.00 setiap meter persegi
	(d) Dewan orang ramai	RM10.00 setiap hektar atau atau sebahagian daripadanya

11. Gabungan kegunaan—

Kediaman dan perniagaan (hanya bagi hakmilik induk yang hakmilik strata akan didaftarkan hasil daripada pecah bahagi bangunan)	RM2.00 setiap meter persegi
---	-----------------------------

(2) Mana-mana tanah yang tidak tergolong dalam mana-mana kelas atau perihal dalam subkaedah (1) hendaklah tertakluk kepada kadar cukai yang berkaitan dengan kediaman di bawah kaedah ini.

Cukai tahunan dikenakan oleh kerana perubahan kategori, dsb.

15. Jika Kerajaan meluluskan apa-apa perubahan kategori atau syarat nyata di bawah seksyen 124 atau 124A Kanun, cukai tahunan baru yang hendak dikenakan hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan dalam kaedah 14.

Cukai tahunan yang dikenakan oleh kerana penyerahan balik dan pemberihakmilikan semula tanah di bawah seksyen 204D Kanun

16. Jika Kerajaan meluluskan apa-apa penyerahan balik dan pemberihakmilikan semula di bawah seksyen 204D Kanun, cukai tahunan baru yang hendak dikenakan hendaklah mengikut kadar yang ditetapkan dalam kaedah 14.

Perubahan kadar cukai tahunan

17. Kerajaan boleh mengubah kadar cukai tahunan yang dinyatakan dalam kaedah 14, 15, dan 16 dalam mana-mana kes tertentu sebagaimana yang disifatkannya patut.

Remitan atau tangguhan cukai tahunan

18. Kerajaan boleh—

- (a) meremitkan apa-apa cukai tahunan yang perlu dibayar dan/atau denda secara keseluruhan atau sebahagian; atau
- (b) menangguhkan pembayaran cukai tahunan bagi apa-apa tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut.

Remitan khas

19. Cukai tahunan bagi mana-mana tanah diberi hakmilik atau sebahagian daripada cukai yang bersekadar dengan bahagian yang tidak dipecahkan dalam mana-mana tanah diberi hakmilik yang didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, hendaklah, selagi tanah diberi hakmilik atau bahagian yang tidak dipecahkan itu masih berdaftar atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, hendaklah disifatkan telah diremitkan sebaik sahaja genap masanya untuk membayar cukai itu pada tiap-tiap tahun tanpa apa-apa permintaan bagi remitan itu.

Denda bagi bayaran lewat cukai tahunan

20. Denda bagi bayaran cukai tahunan yang tertunggak di bawah subseksyen 94(2) Kanun hendaklah dikira seperti yang berikut:

Kadar cukai tahunan \times 10 peratus \times bilangan tahun tertunggak

BAHAGIAN VI**LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA****Permohonan bagi lesen pendudukan sementara**

21. Tiap-tiap permohonan bagi lesen pendudukan sementara tanah Persekutuan atau tanah rizab hendaklah dibuat dalam dua salinan dalam Borang 2 dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan dalam Jadual 4.

Penolakan ringkas bagi lesen pendudukan sementara

22. Pentadbir hendaklah menolak ringkas permohonan bagi lesen pendudukan sementara dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) tanah itu telah diberi hakmilik;
- (b) tanah itu telah diluluskan bagi pemberihakmilikan tetapi hakmilik belum lagi didaftarkan;
- (c) tanah itu telah diluluskan bagi lesen pendudukan sementara;
- (d) permohonan itu tidak memenuhi kehendak seksyen 43 Kanun; atau
- (e) tanah itu telah diambil di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

Fi bagi lesen pendudukan sementara

23. (1) Fi yang kena dibayar bagi lesen pendudukan sementara tanah Persekutuan atau tanah rizab hendaklah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Kegunaan</i>	<i>Fi</i>	<i>Deposit</i>
(1)	Rumah kediaman	RM0.30 setiap meter persegi	tiada
(2)	Perdagangan	RM3.00 setiap meter persegi	tiada

<i>Butiran</i>	<i>Kegunaan</i>	<i>Fi</i>	<i>Deposit</i>
(3)	Warung	RM1.00 setiap meter persegi	tiada
(4)	Tapak semaian dan perkebunan bunga	RM1.00 setiap meter persegi	tiada
(5)	Papan iklan, pendinding	RM3.00 setiap meter persegi	tiada
(6)	Tanaman kontan	RM1.00 setiap meter persegi	tiada
(7)	Pertunjukan awam (setiap hari)	RM3.00 setiap meter persegi	RM2,000.00
(8)	Penyimpanan stok	RM1.00 setiap meter persegi	RM1,000.00
(9)	Tapak bagi menyimpan peralatan (termasuk apa-apa jentera atau kenderaan bermotor)	RM1.00 setiap meter persegi	RM3,000.00
(10)	Tapak pembuangan sampah	RM2,000.00 setiap hektar atau sebahagian daripadanya	RM2,000.00
(11)	Lain-lain kegunaan	sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan	sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan:

Dengan syarat bahawa dalam mana-mana hal tertentu, Kerajaan boleh, menurut budi bicaranya, membenarkan lesen pendudukan sementara dikeluarkan setelah pembayaran fi yang lebih rendah daripada yang ditetapkan di atas dibuat.

(2) Sebelum mengeluarkan lesen di bawah seksyen 69 atau permit di bawah seksyen 71 Kanun, Pentadbir hendaklah menghendaki pemohon membayar apa-apa deposit yang disebut dalam kaedah ini, mengikut mana-mana hal yang berkenaan, sebagai cagaran bagi pelaksanaan wajar dan pematuhan apa-apa syarat yang lesen atau permit itu tertakluk.

(3) Deposit yang disebut dalam subkaedah (1) boleh dilucut hak secara keseluruhan atau sebahagian apabila berlaku pelanggaran apa-apa syarat yang dikenakan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, dan setelah pembayaran fi tahunan dan deposit, jika ada, dibuat, Pentadbir hendaklah mengeluarkan lesen dalam Borang 4A Kanun.

BAHAGIAN VII

LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA DAN PERMIT BERCANTUM

Permohonan bagi lesen pendudukan sementara dan permit bercantum

24. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mengeluarkan, memproses, mengalih dan mengangkut bahan batuan bagi lesen pendudukan sementara dan permit bercantum di bawah seksyen 69 Kanun hendaklah dibuat dalam Borang 3 Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apabila lesen pendudukan sementara dan permit bercantum dikeluarkan untuk mengeluarkan, memproses, mengalih dan mengangkut bahan batuan daripada tanah Persekutuan atau tanah rizab, deposit sebanyak tiga puluh peratus daripada jumlah fi yang dikenakan atas lesen dan permit bercantum itu hendaklah kena dibayar sebagai cagaran bagi pelaksanaan wajar dan pematuhan apa-apa syarat yang lesen atau permit itu tertakluk.

(3) Deposit yang disebut dalam subkaedah (2) boleh dilucut hak secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya apabila berlaku apa-apa pelanggaran syarat yang dikenakan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan dan setelah pembayaran fi tahunan dan deposit, jika ada, dibuat, Pentadbir hendaklah mengeluarkan lesen dan permit bercantum dalam Borang 4B Kanun.

Fi bagi lesen pendudukan sementara dan permit bercantum.

25. Fi yang kena dibayar bagi permit untuk mengeluarkan, memproses, mengalih dan mengangkut bahan batuan hendaklah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Jenis Bahan Batuan</i>	<i>Fi Yang Kena Dibayar</i>
(1)	Pasir	RM2.20 setiap meter padu
(2)	Batu batan, batu atau granit dalam apa-apa bentuk	RM2.20 setiap meter padu
(3)	Marmar	RM2.20 setiap meter padu
(4)	Simen	RM2.20 setiap meter padu
(5)	Bata	RM2.20 setiap 1000 unit
(6)	Jubin	RM2.20 setiap 1000 unit
(7)	Apa-apa jenis bahan batuan lain yang tidak diperuntukkan selainnya	RM3.00 setiap meter padu
(8)	Apa-apa bentuk barangan pembuatan siap daripada bahan batuan yang tidak diperuntukkan selainnya	RM10.00 setiap 100 unit:

Dengan syarat bahawa Kerajaan boleh, dalam mana-mana hal tertentu, memberikan pengecualian keseluruhan atau sebahagian daripada pembayaran fi yang ditetapkan dalam kaedah ini.

BAHAGIAN VIII

PERMIT UNTUK MENGELUAR, MENGALIH DAN MENGANGKUT BAHAN BATUAN

Permohonan bagi permit untuk mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan

26. (1) Tiap-tiap permohonan bagi permit untuk mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan hendaklah dibuat dalam Borang 4 Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apabila permit untuk mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan daripada tanah Persekutuan atau tanah rizab dikeluarkan, deposit sebanyak tiga puluh peratus daripada jumlah fi yang dikenakan ke atas permit itu hendaklah dibayar sebagai cagaran bagi pelaksanaan wajar dan pematuhan apa-apa syarat yang lesen atau permit itu tertakluk.

(3) Deposit yang disebut dalam subkaedah (2) boleh dilucut hak secara keseluruhan atau sebahagian apabila berlaku pelanggaran apa-apa syarat yang dikenakan sebagaimana yang ditentukan oleh Kerajaan.

(4) Apabila permohonan itu diluluskan, dan setelah pembayaran fi tahunan serta deposit, jika ada, dibuat, Pentadbir hendaklah mengeluarkan permit dalam Borang 4c Kanun.

Permohonan bagi permit untuk mengalih bahan batuan

27. (1) Tiap-tiap permohonan bagi permit untuk mengalih bahan batuan hendaklah dibuat dalam Borang 4c Kanun.

(2) Apabila persetujuan permohonan bagi suatu permit untuk mengalih bahan batuan dan bayaran fi yang ditetapkan dalam kaedah 28 dibuat, Pentadbir Tanah hendaklah mengeluarkan permit dalam Borang 4c Kanun.

Fi bagi permit untuk mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan

28. Fi yang kena dibayar bagi permit untuk mengeluarkan, mengalih dan mengangkut bahan batuan hendaklah seperti yang berikut:

<i>Butiran</i>	<i>Jenis Bahan Batuan</i>	<i>Fi Yang Kena Dibayar</i>
(1)	Tanah	RM2.00 setiap meter padu
(2)	Laterit	RM2.00 setiap meter padu
(3)	Tanah gembur	RM2.00 setiap meter padu

<i>Butiran</i>	<i>Jenis Bahan Batuan</i>	<i>Fi Yang Kena Dibayar</i>
(4)	Tanah liat	RM2.00 setiap meter padu
(5)	Pasir	RM2.00 setiap meter padu
(6)	Rumput tampal	RM2.00 setiap meter padu
(7)	Batu batan, batu atau granit dalam apa-apa bentuk	RM2.00 setiap meter padu
(8)	Marmar	RM2.00 setiap meter padu
(9)	Simen	RM2.00 setiap meter padu
(10)	Bata	RM2.00 setiap 1000 unit
(11)	Jubin	RM2.00 setiap 1000 unit
(12)	Apa-apa bahan batuan lain yang tidak diperuntukkan selainnya	RM3.00 setiap meter padu
(13)	Apa-apa bentuk barangan pembuatan siap daripada bahan batuan lain yang tidak diperuntukkan selainnya	RM10.00 setiap 100 unit:

Dengan syarat bahawa Kerajaan boleh, dalam mana-mana hal tertentu, mengecualikan secara keseluruhan atau sebahagian pembayaran fi yang ditetapkan di bawah kaedah ini.

BAHAGIAN IX

PERMIT UNTUK MENGGUNA RUANG UDARA

Permohonan bagi permit untuk menggunakan ruang udara

29. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan permit bagi menggunakan ruang udara di atas tanah Persekutuan atau tanah rizab hendaklah dibuat dalam Borang 5 Kaedah-Kaedah ini.

(2) Apabila permohonan bagi permit untuk menggunakan ruang udara itu diluluskan, dan setelah pembayaran fi tahunan dibuat, Pentadbir hendaklah mengeluarkan permit dalam Borang 4D Kanun.

Permohonan bagi penyerahhakan permit untuk menggunakan ruang udara

30. (1) Tiap-tiap permohonan bagi penyerahhakan permit untuk menggunakan ruang udara di bawah seksyen 75E Kanun hendaklah dibuat dalam Borang 6 Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah disertakan dengan fi yang ditetapkan di bawah kaedah 31.

(2) Apabila penyerahhakan itu diluluskan oleh Kerajaan, Pentadbir hendaklah memastikan butir-butir penyerahhakan itu direkodkan dalam permit yang disebut dalam subkaedah 29(2).

Fi bagi permit untuk mengguna ruang udara

31. (1) Fi yang kena dibayar bagi permit yang dikeluarkan untuk mengguna ruang udara bagi maksud mendirikan, menyenggara dan menduduki sesuatu bangunan di atas tanah Persekutuan atau tanah rizab sebagai penambahan kepada mana-mana bangunan yang dipecah bahagi atas lot bersempadan, jejantas atau jambatan hendaklah seperti yang berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Jenis kegunaan</i>	<i>Fi</i>
(a)	Awam	RM1,000.00 setiap tahun
(b)	Persendirian	10% nilai pasaran tanah setiap tahun

(2) Bagi maksud subkaedah (1), sebahagian daripada satu tahun dikira sebagai satu tahun:

Dengan syarat bahawa Kerajaan boleh, dalam kes tertentu, mengecualikan keseluruhan atau sebahagian daripada pembayaran fi seperti yang dinyatakan di bawah kaedah ini.

BAHAGIAN X

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAN

Kesalahan yang boleh dikompaun

32. Kesalahan di bawah seksyen 400, 400A, 403, 424, 425, 425A, 426 dan 427 Kanun boleh dikompaun.

Tawaran untuk mengkompaun dan penerimaan tawaran untuk mengkompaun

33. (1) Tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 7.

(2) Penerimaan tawaran untuk mengkompaun hendaklah dibuat dalam Borang 8.

Amaun kompaun yang kena dibayar

34. (1) Amaun kompaun yang kena dibayar berkenaan dengan sesuatu kesalahan di bawah seksyen 400 dan 427 Kanun hendaklah tidak melebihi seratus ringgit.

(2) Amaun kompaun yang kena dibayar berkenaan dengan kesalahan di bawah seksyen 400A, 403, 424, 425, 425A dan 426 Kanun hendaklah tidak melebihi lima ratus ringgit.

(3) Jika amaun yang dinyatakan dalam notis tawaran untuk mengkompaun itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam Borang 7 Kaedah-Kaedah ini atau dalam apa-apa pelanjutan masa yang diberikan oleh Pentadbir, pendakwaan bagi kesalahan itu hendaklah dimulakan tanpa diberi notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

35. (1) Apabila suatu notis tawaran untuk mengkompaun apa-apa kesalahan telah dibuat dan diterima, pembayaran hendaklah dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos atau draf bank yang kena dibayar kepada Pentadbir Tanah.

(2) Suatu resit rasmi bagi pembayaran sedemikian hendaklah dikeluarkan kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat.

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

Daftar

36. Daftar bagi lesen pendudukan sementara dan permit bercantum untuk mengeluarkan, memproses, mengalih dan mengangkut bahan batuan, dan permit untuk menggunakan ruang udara hendaklah disimpan dan disenggarakan secara berasingan oleh Pentadbir.

Waktu urusan

37. Bagi maksud pendaftaran dan pemungutan hasil tanah, waktu urusan bagi Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya ialah pada tiap-tiap hari bekerja seperti yang berikut:

Isnin hingga Khamis	8.30 pagi hingga 3.00 petang
Jumaat	8.30 pagi hingga 11.00 pagi
Sabtu	8.30 pagi hingga 11.00 pagi

Kad kuasa

38. (1) Kad kuasa yang dikehendaki untuk ditunjukkan bagi pemeriksaan di bawah subseksyen 426A(2) Kanun hendaklah dikeluarkan kepada Pendaftar, Pentadbir dan Pegawai Petempatan sebagaimana yang ditetapkan dalam Borang 10.

(2) Kad itu hendaklah menjadi tidak sah apabila pemegangnya tidak lagi memegang jawatan berkenaan sebagaimana yang ditetapkan dalam kad itu.

Borang dan Jadual

39. Bagi maksud yang dinyatakan dalam ruang (1), semua borang dan jadual yang dinyatakan bersetentangan dengan ruang (2) hendaklah digunakan seperti berikut:

<i>(1)</i> <i>Tujuan</i>	<i>(2)</i> <i>Borang/Jadual</i>
<i>(a)</i> Permohonan bagi kebenaran memindah hakmilik tanah, bahagian tanah, pajakan, pajakan kecil, atau gadaian tanah	Borang 11
<i>(b)</i> Permohonan bagi kebenaran memiliki tanah atau kepentingan atas tanah oleh syarikat asing atau warganegara asing	Borang 12
<i>(c)</i> Permohonan bagi perubahan kategori guna tanah, pengenaan kategori, pengenaan syarat nyata atau sekatan kepentingan	Borang 13
<i>(d)</i> Permohonan bagi pendaftaran sebagai wakil	Borang 14
<i>(e)</i> Permohonan bagi pendaftaran sebagai pemegang amanah	Borang 15
<i>(f)</i> Perakuan carian rasmi berkomputer bagi tanah	Jadual 2
<i>(g)</i> Perakuan carian rasmi berkomputer bagi hakmilik yang dipecah bahagi/strata	Jadual 3

Fi

40. Jadual 4 menetapkan fi yang kena dibayar bagi permohonan dan prosiding di bawah Kanun dan Kaedah-Kaedah ini.

Pengecualian

41. Fi hendaklah dikecualikan bagi perkara-perkara yang berikut:

- (a)* semua pendaftaran dan pengendorsan memorial di bawah Kanun yang dibuat oleh Pendaftar atau Pentadbir;
- (b)* pengeluaran hakmilik sambungan bagi baki bahagian tanah selepas pengambilan tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 atau penyerahan balik sebahagian daripada tanah;
- (c)* carian hakmilik oleh mana-mana jabatan Kerajaan atau Perbadanan Putrajaya;
- (d)* pembekalan pelan Piawaian Surihan yang disenggara oleh Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya kepada mana-mana jabatan Kerajaan atau Perbadanan Putrajaya;

3. Butir-butir *saya/kami adalah seperti yang berikut:

(a) Individu:

- (i) Nama Penuh
- (ii) No. Kad PengenalanWarna
- (iii) Umur
- (iv) Alamat
- (v) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iv))

(b) *Syarikat/Persatuan/Perbadanan:

- (i) *Nama Syarikat/Persatuan/Perbadanan
.....
- (ii) No. Pendaftaran
- (iii) Alamat Pejabat Pendaftar
- (iv) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iii))

(Sila lampirkan satu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan, borang 24 dan borang 49/Perlembagaan)

4. Bersama-sama ini *saya/kami kemukakan fi yang ditetapkan sebanyak RM.....

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

* Potong yang tidak berkenaan.

PERIHAL TANAH YANG DIPOHON

Bandar Putrajaya

No. Presint:

No. Bahagian/Lot (jika ada);

.....

Sempadan: Utara :

Selatan :

Timur :

Barat :

Keluasan dalam hektar/meter persegi:

.....

BORANG 2

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Kaedah 21)

PERMOHONAN LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA

Untuk kegunaan pejabat sahaja

Diterima oleh saya pada haribulan 200.....

jam*pagi/petang

Fi diterima RM

No. Resit

.....
Tarikh.....
*Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya***Untuk diisi oleh pemohon**

Kepada:

Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Tuan,

*Saya/Kami ingin memohon lesen pendudukan sementara bagi tanah yang perihal dan pelan tanah
itu diberikan di bawah bagi maksud

.....

2. Butir-butir *saya/kami adalah seperti yang berikut:

(a) Individu:

(i) Nama Penuh

(ii) No. Kad PengenalanWarna

(iii) Umur

(iv) Alamat

(v) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iv))

(b) *Syarikat/Persatuan/Perbadanan:

(i) *Nama Syarikat/Persatuan/Perbadanan

.....

(ii) No. Pendaftaran

(iii) Alamat Pejabat Pendaftar

(iv) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iii))

(Sila lampirkan bersama satu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan, borang 24 dan borang 49/Perlembagaan)

3. Butir-butir tanah yang dipohon—

(i) Bandar : Putrajaya

(ii) No. Presint :

(iii) No. Plot/Lot (jika ada) :

(iv) Sempadan (jika ada):

Utara :

Selatan :

Timur :

Barat :

(v) Keluasan dalam meter persegi :

4. Bersama-sama ini *saya/kami kemukakan fi yang ditetapkan sebanyak RM.....

.....

Tarikh

.....

Tandatangan Pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 3

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Kaedah 24)

**PERMOHONAN BAGI LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA DAN PERMIT
BERCANTUM UNTUK MENGELUAR, MEMPROSES, MENGALIH DAN
MENGANGKUT BAHAN BATUAN**

1. Butir-butir *saya/kami adalah seperti yang berikut:

(a) Individu:

(i) Nama Penuh

(ii) No. Kad PengenalanWarna

(iii) Umur

(iv) Alamat

(v) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iv))

(b) *Syarikat/Persatuan/Perbadanan:

(i) Nama *Syarikat/Persatuan/Perbadanan

.....

(ii) No. Pendaftaran

(iii) Alamat Pejabat Pendaftar

(iv) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iii))

(Sila lampirkan satu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan, borang 24 dan borang 49/Perlembagaan)

2. Jenis bahan batuan

3. Dari (tempat) ke (tempat)

4. Jarak..... (kilometer)

5. Butir-butir Tanah:

*Untuk tanah rizab: (i) No. Pemberitahuan *Warta* :

(ii) No. Lot/No. L.O. :

(iii) No. Presint :

*Untuk tanah Persekutuan: (i) No. Presint :
 No. Plot :

Sila lampirkan bersama borang ini, butir-butir seperti yang berikut:

- (i) pelan induk dan tapak;
- (ii) kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal, jika permohonan di atas tanah rizab.
- 6. Keluasan dalam meter persegi
- 7. Kegunaan bahan batuan yang akan dialih:
- 8. Jumlah bahan batuan yang akan dialih: (meter padu)

- 9. Bilangan lori yang akan diguna:
 (i) No. pendaftaran lori
- (ii) No. pendaftaran jentolak (jika ada).....
- 10. Bilangan jam bekerja sehari
- 11. Permit diperlukan dari (tarikh) hingga (tarikh)
- 12. Bersama-sama ini *saya/kami kemukakan fi yang ditetapkan sebanyak RM.....
 *Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa keterangan di atas adalah betul dan dengan ini bersetuju untuk mematuhi apa-apa syarat atau syarat-syarat yang dikenakan ke atas *saya/kami.

.....
 Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 4

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Subkaedah 26(1))

PERMOHONAN BAGI PERMIT UNTUK MENGELUAR, MEMINDAH DAN
MENGANGKUT BAHAN BATUAN

1. Butir-butir *saya/kami adalah seperti yang berikut:

(a) Individu:

- (i) Nama Penuh
- (ii) No. Kad PengenalanWarna
- (iii) Umur
- (iv) Alamat
- (v) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iv))

(b) *Syarikat/Persatuan/Perbadanan:

- (i) Nama *Syarikat/Persatuan/Perbadanan.....
.....
- (ii) No. Pendaftaran
- (iii) Alamat Pejabat Pendaftar
- (iv) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iii))

(Sila lampirkan satu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan, borang 24 dan borang 49/Perlembagaan)

2. Jenis bahan batuan
3. Dari (tempat) ke (tempat)
4. Jarak(kilometer)
5. Butir-butir Tanah:

- *Bagi tanah diberi hakmilik
- (i) No. Hakmilik :
- (ii) No. Lot/No. L.O. :
- (iii) No. Presint :
- (iv) Nama Pemilik :
-

- *Bagi tanah rizab:
- (i) No. Pemberitahuan *Warta* :
- (ii) No. Lot/No. L.O. :
- (iii) No. Presint :

*bagi tanah Persekutuan: (i) No. Presint :
(ii) No. Plot :

Sila lampirkan bersama borang ini, butir-butir seperti yang berikut:

- (i) pelan induk dan tapak;
 - (ii) kebenaran bertulis daripada pemilik tanah, jika permohonan itu di atas tanah diberi hakmilik dan pemohon bukan pemilik tanah;
 - (iii) kebenaran bertulis daripada Pegawai Pengawal, jika permohonan itu di atas tanah rizab.
6. Kegunaan bahan batuan yang akan dipindahkan:
7. Jumlah bahan batuan yang akan dipindahkan:(meter padu)
8. Bilangan lori yang akan digunakan:
- (i) No. pendaftaran lori
 - (ii) No. pendaftaran jentolak (jika ada)
9. Bilangan jam bekerja sehari
10. Permit yang diperlukan dari(tarikh) hingga
- (tarikh).....
11. Bersama-sama ini *saya/kami kemukakan fi yang ditetapkan sebanyak RM

*Saya/Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa keterangan di atas adalah betul dan bersetuju untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan ke atas *saya/kami.

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

12. **Untuk kegunaan pejabat sahaja:**

- (i) Permohonan diterima/ditolak
- (ii) Kuantiti bahan batuan (meter padu)
- (iii) Jangka masa: Dari hingga

.....
Tarikh

.....
*Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya*

*Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 5

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Kaedah 29(1))

PERMOHONAN BAGI PERMIT UNTUK MENGGUNA RUANG UDARA DI ATAS TANAH PERSEKUTUAN/TANAH RIZAB

(Seksyen 75A Kanun)

Kepada:

Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

*Saya/Kami ingin memohon permit untuk
mengguna ruang udara di atas *tanah Persekutuan/tanah rizab sebagaimana yang ditunjukkan
dalam pelan yang dilampirkan bagi maksud.....

2. Bersama-sama ini *saya/kami kemukakan—

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) 2 salinan pelan kerja yang telah diluluskan oleh pada
..... dan butiran cadangan pembinaan yang akan didirikan; dan
- (c) surat keizinan daripada Pegawai Pengawal tanah rizab itu.

3. Butir-butir *saya/kami adalah seperti yang berikut:

(a) Individu:

- (i) Nama Penuh
- (ii) No. Kad PengenalanWarna
- (iii) Umur
- (iv) Alamat
- (v) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iv))

(b) *Syarikat/Persatuan/Perbadanan:

- (i) Nama *Syarikat/ Persatuan/Perbadanan
-

- (ii) No. Pendaftaran
- (iii) Alamat Pejabat Pendaftar
- (iv) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iii))

(Sila lampirkan bersama suatu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan borang 24 dan borang 49/Perlembagaan)

4. Butir-butir Tanah:

- *Untuk tanah diberi hakmilik
- (i) No. Hakmilik :
- (ii) No. Lot/No. L.O. :
- (iii) No. Presint :
- (iv) Nama Pemilik :
-
- *Untuk tanah rizab:
- (i) No. Pemberitahuan *Warta* :
- (ii) No. Lot/No. L.O. :
- (iii) No. Presint :
- *Untuk tanah Persekutuan:
- (i) No. Presint :
- (ii) No. Plot :

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

*Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 6

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Subkaedah 29(1))

PERMOHONAN BAGI PENYERAHHAKAN PERMIT UNTUK MENGGUNAKAN RUANG UDARA DI ATAS TANAH PERSEKUTUAN/TANAH RIZAB

(Seksyen 75E)

Kepada:

Pentadbir Tanah,
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

* Saya/Kami

No. kad pengenalan/pasport beralamat.....

.....

pemegang permit No. untuk mengguna ruang udara di atas * tanah Persekutuan/tanah rizab dengan ini memohon penyerahhakan hak permit itu kepada

..... No. kad pengenalan/

pasport beralamat

.....

atas sebab-sebab yang berikut:

(i)

.....

.....

(ii)

.....

.....

2. *Saya/Kami dengan ini kemukakan fi yang ditetapkan sebanyak RM.....

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

* Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 7

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Kaedah 31)

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN

Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Kepada:

.....
.....
.....

Apabila menjawab sila nyatakan:

No. Fail Tarikh

Tuan/Puan,

Suatu laporan telah dibuat terhadap anda yang menyatakan bahawa anda telah melakukan kesalahan yang berikut di bawah seksyen Kanun Tanah Negara.

Tarikh Masa *pagi/petang. No. Presint

No. Lot/No. L.O/No. PlotBandar Putrajaya.

+Kesalahan
.....

2. Saya dengan ini menawarkan untuk mengkompaun kesalahan itu dengan bayaran sebanyak Jika tawaran ini diterima, pembayaran hendaklah dibuat dengan wang tunai, atau dengan kiriman wang, wang pos atau draf bank yang kena dibayar kepada "Pentadbir Tanah, Wilayah Persekutuan Putrajaya.". Suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran ini akan berkuat kuasa selama hari dari tarikh notis ini dan jika tiada pembayaran dibuat dalam tempoh itu, pendakwaan akan dimulakan tanpa notis selanjutnya.

.....
Tarikh

.....
*Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya*

* Potong yang tidak berkenaan.

+ Beri butiran.

BORANG 8

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Subkaedah 33(2))

PENERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN

Kepada:

Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

Pentadbir Tanah,

Saya merujuk kepada notis tawaran untuk mengkompaun bertarikh No. fail
..... Saya dengan ini menerima tawaran itu dan bersama-sama ini menyertakan *wang tunai/
kirim wang/wang pos/draf bank No. sebanyak RM
sebagai penjelasan penuh kompaun itu.

Tandatangan

Nama (Huruf Besar)

Alamat

.....

Tarikh

* Potong yang tidak berkenaan.

BORANG 9

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Kaedah 7)

PERMOHONAN UNTUK MEMAJAK TANAH RIZAB

Kepada:

Pentadbir Tanah
Wilayah Persekutuan
Putrajaya

*Saya/Kami ingin memohon untuk memajak tanah rizab yang perihal dan pelannya diberikan di
muka surat sebelah bagi maksud

2. Butir-butir *saya/kami adalah seperti yang berikut:

(a) Individu:

- (i) Nama Penuh
- (ii) No. Kad Pengenalan Warna
- (iii) Umur
- (iv) Alamat
- (v) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iv))

(b) *Syarikat/Persatuan/Perbadanan

- (i) Nama * Syarikat/Persatuan/Perbadanan
- (ii) No. Pendaftaran
- (iii) Alamat Pejabat Pendaftar
- (iv) Alamat Surat-menyurat
(sekiranya berbeza dengan (iii))

(Sila lampirkan satu salinan Memorandum dan Artikel Pertubuhan, borang 24 dan borang 49/Perlembagaan)

3. Butir-butir tanah rizab yang dipohon:

- (a) Nama tanah rizab
- (b) No. Pemberitahuan *Warta* dan tarikh
- (c) Bandar Putrajaya
- (d) No. Presint
- (e) No. Lot
- (f) Keluasan dalam *hektar/meter persegi

4. Bersama-sama ini *saya/kami kemukakan:

- (a) fi yang ditetapkan sebanyak RM
- (b) surat persetujuan daripada Pegawai Pengawal tanah rizab.

.....
Tarikh

.....
Tandatangan Pemohon

PELAN TANAH RIZAB DAN KAWASAN YANG DIPOHON

BORANG 10

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA 2002

(Subkaedah 38(1))

KAD KUASA

HADAPAN

Lambang Persekutuan <div style="border: 1px solid black; width: 40px; height: 40px; margin: 0 auto; display: flex; align-items: center; justify-content: center;"> 2.5 cm GAMBAR Meterai </div>	KERAJAAN MALAYSIA KAD KUASA Nama : No. KPPN : Jawatan : Tandatangani Pemegang	NO. SIRI
---	--	----------

8.5 cm

BELAKANG

Pemegang kad ini dilantik di bawah subseksyen 12(1) Kanun Tanah Negara dan dibenarkan untuk melaksanakan tanggungjawab di bawah Kanun yang sama.

Kad ini hendaklah diserahkan kepada pejabat yang mengeluarkannya apabila pemegang kad tidak lagi memegang jawatan berkenaan.

Kehilangan kad ini mestilah dilaporkan dengan segera kepada pihak Polis dan pejabat yang mengeluarkannya.

